

06 DEC 2002

Mahathir-Ancaman

MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG SELAMAT, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 Dis (Bernama) -- Malaysia adalah sebuah negara yang selamat dan kerajaan telah mengambil segala tindakan yang perlu untuk membendung ancaman pengganas lebih awal daripada negara-negara lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ketika kerajaan mengambil tindakan menahan mereka yang disyaki terlibat dalam keganasan, ramai yang mengkritik kerajaan sebagai tidak demokratik tetapi kini mereka mula faham akan tindakan kerajaan itu.

"Ya, memang selamat negara kita...kita tak nafi ada pengganas di Malaysia tetapi kita dapat bendung mereka jauh lebih awal daripada negara-negara lain," katanya ketika ditanya adakah Malaysia negara yang selamat sedangkan ada pihak yang mempersoalkan keselamatannya.

"Bila kita tangkap orang ini (mereka yang disyaki pengganas) masuk dalam tahanan, banyak yang kata kita tidak demokratik tetapi sekarang mereka faham bahawa kalau kita hendak elak daripada keganasan kita kena ambil tindakan awalan terhadap mereka," kata beliau.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita di majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau di kediaman rasmi Seri Perdana di sini.

"Jika kita tunggu sehingga mereka (pengganas) ini letupkan bom, ramai yang sudah pasti mati dan itu sudah terlewat," kata Dr Mahathir.

Pihak berkuasa Malaysia telah menahan seramai 67 anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sejak 29 Oktober 2001 dalam usaha membendung sebarang kegiatan pengganas di negara ini.

Mengenai aduan ada pihak yang memburukkan Malaysia di luar negara dengan mengatakan berlaku keadaan huru-hara dalam negara ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu niat mereka tapi apa yang mereka buat merugikan negara.

"Saya merasa sedih dengan cerita-cerita dongeng ini yang sengaja diadakan untuk memburuk-burukkan Malaysia sedangkan kita tidak buat apa untuk memburukkan negara orang lain," kata beliau.

Mengenai perutusan beliau kepada para pemimpin dunia bukan Islam, Dr Mahathir berkata: "Ya, kita mencintai keamanan. Sebenarnya, nama Islam mempunyai konotasi yang sama (seperti keamanan) tetapi malangnya apabila umat Islam ditindas mereka rasa mereka perlu bangkit melawan balik."

"Jadi jika kita mahukan keamanan, kita perlu mengakui tanah orang Islam telah dirampas daripada mereka dan masyarakat Islam tertindas di mana sahaja," kata beliau lagi.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata adalah penting bagi orang Islam dan bukan Islam di dunia ini bertolak ansur untuk mencapai keamanan.

"Adalah sukar bagi mereka berpegang kepada keamanan sedangkan mereka ditindas. Kedua-dua pihak (Islam dan bukan Islam) mesti menghentikan rasa marah ini dan harus menyedari dalam mencapai keamanan kita perlu lebih bertolak ansur," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan beliau akan tetap berpegang kepada keputusannya untuk meletakkan jawatan pada Oktober depan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan rindui suasana Hari Raya di Seri Perdana.

"Saya boleh balik sini sebagai tetamu Hari Raya dan bersalaman dengan Perdana Menteri (baru)."

"Saya berada di sini tidak lama dan rumah saya, iaitu rumah yang saya tinggal, sebenarnya di Alor Star (Kedah) dan saya juga mempunyai sebuah lagi rumah di MINES (Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia dekat Kuala

Lumpur).

"Sekarangpun saya balik ke situ apabila ada masa. Ini rumah yang sangat besar. Saya tidak biasa duduk di rumah sebesar ini."

Hampir 100,000 orang menghadiri rumah terbuka beliau dalam apa yang dianggap sebagai Hari Raya terakhir bagi beliau sebagai Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MSL RV PR